

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT KETHREE, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 7 Disember 2016

SOALAN

Puan Bathmavathi Krishnan minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan berapakah OKU yang terlantar di rumah atau di institusi yang menikmati perkhidmatan Home Help Services / Domiciliary Health Care, dan sama ada perkhidmatan ini terdapat di seluruh negara, termasuk Sabah dan Sarawak.

JAWAPAN

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT Tuan Yang Dipertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat komited untuk memberi khidmat sokongan kepada warga emas dan orang kurang upaya (OKU) terutama bagi mereka yang tinggal bersendirian atau yang tinggal bersama ahli keluarga tetapi memerlukan bantuan dan sokongan sosial. Di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan, KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah memperkenalkan Program Khidmat Bantu Di Rumah (Home Help Services) pada tahun 2012. Program ini yang dilaksanakan oleh sukarelawan yang berdaftar dengan JKM adalah merupakan perkhidmatan pendampingan sosial kepada dua kumpulan sasar iaitu OKU dan warga emas. Bagi tempoh Januari sehingga Jun 2016, seramai 1,522 orang Sukarelawan JKM telah memberi perkhidmatan kepada seramai 3,850 warga emas dan 1,144 OKU melalui Program Khidmat Bantu Di Rumah di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. Tuan Yang Dipertua, Bagi Perkhidmatan Perawatan Domisiliari (Domiciliary Health Care) pula, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah memulakan perkhidmatan ini selaras dengan transformasi kesihatan bercirikan perkhidmatan kesihatan yang baik. Ini merangkumi perkhidmatan berhampiran dengan masyarakat, penjagaan yang berterusan (continuity of care) dan menyokong keluarga pesakit melalui latihan serta rawatan susulan. Untuk permulaan, perkhidmatan yang disediakan memberi fokus kepada perawatan dan rehabilitasi. Perkhidmatan ini telah mula dilaksanakan pada bulan Julai 2014, di 160 Klinik Kesihatan (KK) di 80 Pejabat Kesihatan Daerah seluruh Malaysia di mana melibatkan lima (5) KK di Sabah dan 25 KK di Sarawak. Berdasarkan statistik KKM, sejak ia dimulakan pada bulan Julai 2014, bilangan pesakit yang diberi rawatan dan pemulihan meningkat setiap tahun. Bermula Julai hingga Disember 2014, jumlah pesakit yang diberi rawatan adalah seramai 876, meningkat pada tahun 2015 iaitu seramai 2,282. Bagi bulan Januari hingga Jun 2016, sejumlah 1,588 pesakit telah menerima perkhidmatan di mana sebanyak 961 (61%) kes adalah strok, 94 (6%) kes Traumatic Brain Injury, 39 (2%) kes Spinal Cord Injury, 18 (1%) kes Cerebral Palsy, 69 (4%) kes kanser dan lain-lain kes 407 (26%). Majoriti pesakit yang menerima Perkhidmatan Perawatan Domisiliari adalah terdiri daripada pesakit golongan warga emas iaitu seramai 1,133 (71%).

